

## KERATAN AKHBAR

### (Bahagian Canselor)

Surat khabar: Berita Harian (Varsiti)

Hari/Tarikh: 16/6/2016

Muka surat: V3

Tajuk : UNIMAS jalin kerjasama dengan universiti Iran



**Prof Mohamad Kadim (dua dari kanan)** bertukar dokumen MoU dengan Dr Enayat (dua dari kiri).

# UNIMAS jalin kerjasama dengan universiti Iran

**U**niversiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Tehran University Medical Sciences (TUMS) Iran, bagi mengukuhkan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pertukaran pelajar.

Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi, berkata dengan MoU itu, lima biasiswa penuh yang meliputi kos yuran dan penginapan untuk calon UNIMAS yang meneruskan pengajian secara sepenuh masa di

TUMS akan ditawarkan. Beliau berkata, biasiswa itu adalah untuk pengajian tahun pertama, dan akan dilanjutkan pada tahun seterusnya secara tahunan, dengan GPA calon adalah 80 peratus ke atas.

"Yang turut ditawarkan dalam MoU itu adalah lima biasiswa separa untuk pelajar mobiliti satu tahun di bawah pengawasan bersama TUMS dan UNIMAS.

#### Pusat perubatan terkemuka

"TUMS bukan sahaja terkenal sebagai pusat

perubatan terkemuka di Iran, malah dikenali di dunia dan universiti itu juga terkenal dalam bidang perubatan, pergigian, farmasi, sains perubatan dan kesihatan awam," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani MoU bersama Pengarah Perhubungan Antarabangsa TUMS, Dr Enayat Shabani di Bilik Mesyuarat Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UNIMAS, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan

**info.**

→ UNIMAS memiliki seorang staf akademik dari Iran.  
→ Ketika ini enam pelajar Iran menuntut di UNIMAS.

Antarabangsa) UNIMAS, Prof Dr Wan Hashim Wan Ibrahim; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UNIMAS, Prof Dr Kopli Bujang serta Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UNIMAS, Prof Dr Ahmad Hata Rasit.